

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA WARGA EMAS
(SPPWE)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah itu Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE)?	SPPWE merupakan satu kategori baharu di bawah Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) khusus untuk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas (mengikut tarikh lahir pemohon). Sebelum ini SPPP hanya disasarkan kepada golongan Usahawan B40 dengan pelajar Institusi Pengajian Tinggi sepenuh masa sahaja.
2	Apakah pengecualian fi yang disediakan di bawah SPPWE?	<p>SPPWE memberikan pendaftaran perniagaan percuma untuk tempoh satu tahun perniagaan sahaja (satu kali permohonan sahaja) sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini. Bagi pembaharuan dan cawangan (sekiranya ada) akan dikenakan bayaran sebanyak RM5 bagi setiap cawangan untuk tempoh setahun.</p> <p>Pengecualian Fi pendaftaran perniagaan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30 setahun; b) Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari golongan warga emas sahaja) menggunakan nama tred – RM60 setahun; dan c) Cetakan maklumat – RM10.
3	Siapa yang layak memohon SPPWE?	<ul style="list-style-type: none"> a) Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap; b) Berumur 60 tahun dan ke atas (mengikut tarikh lahir); c) Berniaga di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan; d) Bagi perkongsian, rakan kongsi mestilah terdiri daripada mereka yang layak di bawah kategori warga emas sahaja;

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		e) Tidak mempunyai perniagaan lain yang berstatus aktif dalam rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
4	Bagaimana pemohon boleh memohon untuk SPPWE?	Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian melalui ezbiz.ssm.com.my dengan memilih kategori SPPP. Pemohon juga perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan.
5	Sekiranya pemohon adalah warga emas dan juga golongan B40, adakah pemohon layak memilih kedua-dua skim ini?	Tidak. Pemohon hanya boleh memilih satu kategori sahaja.
6	Apakah perbezaan di antara SPPWE dan SPPP?	SPPWE menawarkan pendaftaran perniagaan percuma untuk tempoh setahun sahaja, manakala bagi SPPP (usahawan B40 dan pelajar) menawarkan pendaftaran perniagaan percuma untuk tempoh dua tahun.
7	Adakah pemohon boleh mendaftar di bawah SPPWE untuk tempoh 2 tahun?	Boleh. Pemohon akan diberikan pendaftaran perniagaan percuma untuk tempoh setahun sahaja, manakala baki setahun berikutnya akan dikenakan bayaran seperti biasa.
8	Adakah saya boleh membuat perubahan perniagaan selepas pendaftaran SPPWE ini dilakukan?	Boleh, walau bagaimanapun bayaran fi yang telah ditetapkan akan dikenakan bagi permohonan ini
9	Sekiranya saya telah menerima pengecualian fi pendaftaran perniagaan melalui SPPP sebelum ini dan berstatus luput atau ditamatkan, adakah saya masih layak memohon SPPWE?	Tidak boleh. Pemohon yang telah mendaftarkan perniagaan menggunakan inisiatif SPPP sebelum ini dan telah luput tidak dibenarkan mendaftarkan perniagaan menggunakan inisiatif SPPWE. Skim SPPP ini ditawarkan sekali sahaja seumur hidup kepada setiap individu.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10	Bilakah SPPWE akan mula berkuat kuasa dan sehingga bilakah tempoh pelaksanaannya?	SPPWE ini akan berkuatkuasa 1 Jun 2026 sehingga peruntukan geran SPPP habis digunakan.
11	Siapakah yang boleh dihubungi bagi sebarang pertanyaan mengenai SPPWE?	Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my